

10/03/1997

Tiga aspek penanaman pokok

KUALA LUMPUR, Ahad - Tiga aspek penting perlu diberi perhatian bagi menjamin kejayaan kempen menanam pokok seluruh negara yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Isnin lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Khas Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Lee Lam Thye, berkata tiga aspek itu ialah penyelenggaraan pokok, peraturan menebang pokok oleh pemaju dan pembabitian badan sukarela.

Pihak berkuasa tempatan perlu dipertanggungjawab menyelenggara atau menjaga pokok yang ditanam agar semuanya dapat membesar dengan sempurna dan tidak membahayakan orang ramai dan harta awam.

"Banyak pokok tidak dijaga dengan sempurna dan faktor cuaca seperti hujan ribut menyebabkan banyak dahan patah atau pokok tumbang menyebabkan kemalangan," katanya di sini, hari ini.

(END)